

NO. SOALAN : 402

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER  
A/L RAJAJI [ JELUTONG ]**

**SOALAN : 402**

**YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat tuduhan salah laku kehakiman (*Judicial Misconduct*) yang didedahkan oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan Dato Dr. Hamid Sultan Abu Backer baru-baru ini.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua

1. Pertanyaan YB Marang ini dicadangkan untuk dijawab bersekali dengan yang berikut:

- (a) pertanyaan lisan nombor 1 oleh YB Port Dickson untuk dijawab pada 13 Mac 2019;
- (b) pertanyaan lisan nombor 32 oleh YB Kota Bharu untuk dijawab pada 4 April 2019;
- (c) pertanyaan lisan nombor 3 oleh YB Bukit Gelugor untuk dijawab pada 9 April 2019;
- (d) pertanyaan lisan nombor 44 oleh YB Bukit Gelugor untuk dijawab pada 9 April 2019; dan
- (e) pertanyaan bertulis nombor 404 oleh YB Jelutong.

2. Kerajaan pada 20 Februari 2019 memutuskan supaya suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan dan tindakan mengenai penubuhannya sedang diambil selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*].

3. Yang di-Pertuan Agong boleh menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam melalui tauliah Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 2 Akta 119 seperti yang berikut:

***“Pengeluaran Tauliah***

**2. (1)** *Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa Pesuruhjaya itu untuk menyiasat—*

- (a) kelakuan mana-mana pegawai persekutuan;*
- (b) penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Malaysia;*
- (c) penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata disenggarakan dengan kumpulan wang Negeri; atau*
- (d) apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam, iaitu bukan—***
  - (i) suatu perkara yang melibatkan apa-apa soal yang berhubungan dengan agama Islam atau adat Melayu; atau*

- (ii) *berhubung dengan Sabah atau Sarawak, suatu perkara yang dinyatakan dalam butiran 10 Senarai Negeri:*

*Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai persekutuan yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah pada masa melakukan kelakuan itu, berkhidmat dalam suatu jabatan perkhidmatan awam sesuatu Negeri, tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri itu.”.*

4. Seksyen 3 Akta 119 pula memperuntukkan terma tauliah hendaklah menyatakan perkara siasatan antaranya bilangan Pesuruhjaya, tempat siasatan dijalankan dan tatacara pelaksanaan siasatan seperti yang berikut:

***“Terma Tauliah***

**3.** (1) *Suatu Tauliah yang dikeluarkan di bawah seksyen 2 hendaklah menyatakan perkara siasatan itu dan boleh, menurut budi bicara Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan—*

- (a) *jika terdapat lebih daripada seorang Pesuruhjaya, mengarahkan—*

- (i) *Pesuruhjaya mana yang menjadi Pengerusi; dan*

- (ii) *bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk suatu kuorum;*
- (b) *mengarahkan di mana dan bila siasatan itu boleh diadakan dan laporannya akan diserahkan;*
- (c) *mengarahkan sama ada siasatan itu atau mana-mana bahagiannya boleh diadakan atau tidak boleh diadakan secara terbuka; dan*
- (d) *amnya menetapkan bagaimana Tauliah itu boleh dilaksanakan.*

*(2) Apabila Tauliah itu menyatakan bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk kuorum, bilangan Pesuruhjaya yang dinyatakan sedemikian boleh, dalam ketiadaan Pesuruhjaya yang lain itu, menjalankan segala atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya itu oleh Akta ini.”*

5. Selepas siasatan selesai dijalankan, Suruhanjaya Siasatan Diraja akan kemukakan satu laporan kepada Kerajaan yang turut mengandungi apa-apa tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.